

Langkah2 diambil bagi memenuhi kekurangan kewangan — Mahathir

# Gaji baru: Jabatan2 dibantu...

KUALA LUMPUR, Jumaat

**KERAJAAN** Pusat telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi membolehkan semua jabatan, badan-badan berkanun dan lembaga-lembaga tempatan melaksanakan skim tangga gaji baru bulan ini.

Menyatakan demikian hari ini, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan Kerajaan telah menimbangkan keperluan-keperluan kewangan yang dikehendaki oleh berbagai agensi ketika memutuskan soal gaji baru itu.

Beliau mengumumkan tangga gaji baru itu Mei lalu.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika mengulas laporan bahawa setengah-setengah lembaga tempatan telah meminta bantuan kewangan segera dari Kerajaan bagi menghadapi pembayaran gaji yang meningkat.

Timbalan Perdana Menteri berkata Kerajaan akan memberikan bantuan merupakan pinjaman-pinjaman kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri.

Beliau menjelaskan bahawa perundangan tidak membenarkan Kerajaan Pusat memberi peruntukan secara langsung kepada Kerajaan-Kerajaan Tempatan.

Beliau berkata sebarang kelambatan bagi pihak Kerajaan-kerajaan Tempatan membayar gaji kakitangan mereka dengan tangga gaji baru mungkin disebabkan kelemahan peresediaan mereka untuk memberitahu Kerajaan tentang keperluan kewangan mereka itu terlebih dahulu.

Berdasarkan kepada tambahan tahunan berjumlah \$600 juta, pembayaran gaji oleh Kerajaan dijangka akan meningkat \$50 juta bulan ini.

Di antara lembaga-lembaga tempatan yang telah meminta bantuan segera dari Kerajaan Pusat ialah Perbandaran Pulau Pinang yang memerlukan \$7 juta lagi bagi membayar gaji seramai 4,355 orang kakitangannya.

Pihak Perbandaran Johor Baru pula memerlukan tambahan \$3.2 juta dan Perbandaran Talping \$0.5 juta bagi menghadapi peningkatan tangga gaji.

Majlis Perbandaran Petaling Jaya memerlukan \$1.5 juta selain daripada \$10 juta yang diperuntukan bagi pembayaran gaji tahun ini.

Sejak ini, pihak Perbendaharaan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang meneliti keadaan dengan rapi dan mereka dijangka akan mengumumkan cara-cara bagi membantu pihak-pihak yang berkenaan bagi melaksanakan skim gaji baru itu.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia